

Lindungi kanak-kanak jadi mangsa dera

BANGI - Cadangan agar rotan dijadikan hukuman jenayah bertujuan untuk melindungi kanak-kanak daripada menjadi mangsa penderaan.

Profesor Undang-undang Keluarga, Wanita, dan Kanak-kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof Datin Noor Aziah Mohd Awal berkata, sebarang perbuatan yang boleh mendatangkan kecederaan fizikal dan emosi kepada kanak-kanak termasuk akibat dirotan boleh dianggap satu kesalahan.

Selain itu, katanya, terdapat perbezaan antara merotan untuk tujuan mendidik dan penderaan.

"Jika kita lihat kes-kes penderaan kanak-kanak, banyak yang berbekas kesan dari rotan. Maknanya ada kecederaan dan ia sudah tidak mengikut

apa yang dianjurkan dalam Islam.

"Jangan ambil sikap merotan anak ini satu kemestian kerana ada perbezaan rotan untuk mendidik dan penderaan. Kalau kita jadikan rotan sebagai perkara biasa, kita bimbang ia menjurus kepada penderaan," katanya, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, dalam Islam sendiri sudah menyediakan garis panduan bagi ibu bapa untuk merotan anak-anak seperti yang diajar oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadis.

Antaranya ialah tidak menyakitkan, tidak melukakan, tidak melakukannya ketika marah, anak berusia 10 tahun ke atas dan rotan merupakan jalan penyelesaian terakhir.

"Ibu bapa juga dilarang merotan

anak-anak di bahagian tubuh selain tapak kaki dan tangan. Tindakan (rotan) pertama hendaklah perlahan dan jika tidak berkesan, boleh dilakukan tiga kali dan seterusnya tidak lebih 10 kali.

"Hadis ini juga menekankan tentang kesalahan tidak bersolat kerana solat itu paling penting. Tetapi dalam dunia realiti kini, adakah ibu bapa yang merotan mengikut garis panduan ini?," katanya.

Menurut beliau lagi, rotan juga tidak akan menjadi keperluan jika ibu bapa mendidik anak dengan baik sejak kecil.

Dalam pada itu, beliau berkata, kritikan masyarakat bahawa Malaysia mengikut telunjuk Barat kerana menandatangani perjanjian Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC)

adalah tidak benar.

"Kita sudah ada Akta Kanak-kanak untuk melindungi golongan itu sebelum tandatangan CRC lagi. Maka, jelas kanak-kanak boleh diselamatkan dan mereka yang cederakan mereka di bawah Seksyen 31 Akta Kanak-kanak boleh dihukum.

"Apa yang kita tandatangi di CRC juga mengikut kemampuan kita untuk laksanakannya. Jadi apabila kita mahu mula menyelaraskannya dengan undang-undang tempatan, saya rasa tidak ada masalah," katanya.

